



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**MENINGKATKAN KESEDARAN DAN  
KEFAHAMAN MASYARAKAT RUNGUS AKAN  
FUNGSI PERSEMBAHAN MONGIGOL  
SUMUNDAI SEMASA PERAYAAN PESTA  
MAGAHAU DI DAERAH KECIL  
MATUNGGONG, SABAH.**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**CHELSY OZIELEA JOSEPH**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2023**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**MENINGKATKAN KESEDARAN DAN KEFAHAMAN MASYARAKAT  
RUNGUS AKAN FUNGSI PERSEMBAHAN MONGIGOL SUMUNDI  
SEMASA PERAYAAN PESTA MAGAHAU DI DAERAH KECIL  
MATUNGGONG, SABAH.**

**CHELSY OZIELEA JOSEPH**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Penulisan ilmiah ini dikemukakan sebagai keperluan bagi memenuhi  
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Persembahan (Tari)**

**JABATAN SENI PERSEMBAHAN**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2023**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN BORANG PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada .....(hari bulan).....**Febuari**.....(bulan) 20..**23**.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, Chelsy Ozielea, D20201092231 dari Fakulti Muzik dan Seni Persembahan

(SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa Penulisan Kajian Ilmiah yang bertajuk

**Meningkatkan Kesedaran dan Kefahaman Masyarakat Rungus Akan Fungsi Persembahan**

**Mongigol Sumundai Semasa Perayaan Pesta Magahau Di Daerah Kecil Matunggong, Sabah**

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya. Saya dengan ini turut mengakui bahawa hasil penulisan ini terikat dengan Peraturan Akademik, Jabatan Seni Persembahan, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Chelsy

Tandatangan pelajar

ii. Disemak oleh:

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Penyelia : Dr. Salman Al-Farisi

Tarikh : 05 Februari 2023

iii. Disahkan oleh: Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Penyelaras: Dr. Fara Dayana Binti Mohd Jufry

Tarikh : 05 Februari 2023





## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya memanjatkan syukur kepada Tuhan kerana dengan berkat-Nya saya dapat menyiapkan kajian penyelidikan saya yang bertajuk “Meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat Rungus akan fungsi persembahan Mongigol Sumundai semasa perayaan pesta Magahau di daerah kecil Matunggong, Sabah”. Kajian ini dibuat bagi memenuhi CLO dan menyiapkan tugas individu bagi kursus APC3053 Kajian Ilmiah yang saya ambil pada semester ini bagi tahun 2022.

Sehubungan dengan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr.Fara Dayana binti Mohd Jufry selaku pensyarah bagi kursus kajian ilmiah dan Dr. Salman Al-Farisi selaku penyelia ilmiah saya atas perhatian dan pertimbangan yang cukup besar yang diberikan sepanjang pelaksanaan kajian ini. Perhatian dan pertimbangan yang saya dapat daripada mereka amat saya hargai dan tidak dapat dilupakan kerana ianya membantu saya agar terus berusaha membuat kajian ilmiah yang baik.

Selain itu, sayang ingin mengucapkan juga berbanyak-banyak terima kasih kepada informen-informen yang terlibat dalam kajian ini iaitu Encik Endry Gimpahau Majadap, Puan Ellen Masalim, Encik Bensos bin Omisang dan Encik Jenorita Hong Kong kerana sudah sudi memberi peluang dan berkongsi masa bertemubual dengan saya dalam melaksanakan kajian ini. Segala maklumat yang saya terima dalam temubual sangat-sangat membantu saya dalam menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, saya ingin ucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibubapa saya iaitu Saliah binti Masalin dan Bonar bin Majangkin atas sokongan dan doa yang tidak putus-putus sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Setiap doa dan sokongan yang saya dapat telah banyak membantu saya untuk tetap bermotivasi dalam melakukan kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang selalu ringan hati untuk memberi tunjuk ajar, idea dan dorongan dalam melaksanakan kajian ini. Setiap kebaikan yang saya terima daripada rakan-rakan saya telah banya membantu saya untuk terus berfikiran positif dan bersemangat dalam melakukan kajian ini.





**MENINGKATKAN KESEDARAN DAN KEFAHAMAN MASYARAKAT RUNGUS  
AKAN FUNGSI PERSEMBAHAN MONGIGOL SUMUNDAI SEMASA PERAYAAN  
PESTA MAGAHAU DI DAERAH KECIL MATUNGGONG, SABAH.**

**ABSTRAK**

Mongigol Sumundai adalah tarian bagi suku kaum Rungus yang berasal dari negeri Sabah. Kebanyakan suku kaum rungus kini menetap di bahagian utara Sabah iaitu di daerah Kudat, Kota Marudu dan Pitas. Mongigol Sumundai merupakan dua tarian yang berbeza yang ditarikan bersama-sama dan ditarikan oleh golongan lelaki dan golongan perempuan. Mongigol ditarikan oleh golongan lelaki manakala Sumundai ditarikan oleh golongan perempuan. Terdapat tiga objektif dalam kajian ini iaitu menjelaskan fungsi persembahan Mongigol Sumundai dalam perayaan pesta Magahau, mengenalpasti maksud persembahan Mongigol Sumundai dalam perayaan pesta Magahau dan menghuraikan impak kepada masyarakat Rungus dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman fungsi Mongigol Sumundai. Selain itu, metodologi kajian ialah metodologi penyelidikan yang berbentuk kajian kualitatif iaitu menggunakan kaedah temubual yang dijalankan bersama 4 orang informen yang dipilih berdasarkan pengetahuan luas mengenai tajuk kajian. Instrumen lain yang digunakan ialah pemerhatian dan dokumentasi. Dapatkan kajian yang cukup jelas berkenaan fungsi, maksud dan kepentingan Mongigol Sumundai dalam perayaan pesta Magahau pastinya dapat meningkatkan kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat Rungus khususnya generasi muda betapa pentingnya tarian ini dipersembahkan dalam perayaan pesta Magahau. Rumusan daripada kajian ini, pengkaji dapat melihat tujuan meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat Rungus akan fungsi persembahan Mongigol Sumundai semasa perayaan pesta Magahau dapat dicapai kerana telah mendapat penerangan yang lebih jelas daripada infomen yang dipilih khas dengan latar belakang yang sesuai dan sangat arif berkenaan isu yang dikaji.

**Kata kunci : meningkatkan, kesedaran dan kefahaman masyarakat Rungus, fungsi persembahan Mongigol Sumundai, pesta Magahau.**





**INCREASE AWARENESS AND UNDERSTANDING OF THE RUNGUS  
COMMUNITY WILL FUNCTION SUMUNDAI MONGIGOL PERFORMANCE  
DURING THE MAGAHAU FESTIVAL IN THE SMALL DISTRICT OF  
MATUNGGONG, SABAH.**

**ABSTRACT**

Mongigol Sumundai is a dance for the Rungus community from the state of Sabah. Most of them now live in the northern part of Sabah, namely in the districts of Kudat, Kota Marudu and Pitas. Mongigol Sumundai is two different dances that are danced together and danced by men and women. Mongigol is danced by men while Sumundai is danced by women. There are three objectives in this study which are to explain the role or function of the Mongigol Sumundai performance in the Magahau festival, identify the meaning or meaning of the Mongigol Sumundai performance in the Magahau festival and describe the impact on the Rungus

community in increasing awareness and understanding of the function of Mongigol Sumundai. tbupsi

In addition, the research methodology is a research methodology in the form of a qualitative study which uses an interview method conducted with 5 informants who are selected based on extensive knowledge of the research topic. Other instruments used are observation and documentation. A clear study of function, meaning and the importance of Mongigol Sumundai in the celebration of Magahau festivals can certainly raise awareness and understanding to the younger generation of the young people how important this dance is to the celebration of Magahau festivals. The conclusion of this study, the researcher can see the purpose of rising awareness and the understanding of the Rungus community of the function of Mongigol Sumundai during the celebration of the Magahau party is possible because it has received a clearer description of specially selected inform with the background appropriate regarding issue studied.

**Keywords:** raising, Rungus community awareness and understanding, the function of Mongigol Sumundai performance, Magahau festival





## ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
<b>BORANG PENGAKUAN</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	iv
<b>KANDUNGAN</b>	v - vi
<b>BAB 1 : PENGENALAN</b>	1
<b>1.1 Pendahuluan.</b>	1 - 3
<b>1.2 Latar Belakang Kajian.</b>	4
<b>1.3 Pernyataan Masalah.</b>	5
<b>1.4 Tujuan Kajian.</b>	6
<b>1.5 Objektif Kajian.</b>	7
<b>1.6 Persoalan Kajian.</b>	7
<b>1.7 Kerangka Konsep Kajian.</b>	7 - 8
<b>1.8 Definisi Operasional.</b>	8 - 9
<b>1.9 Batasan Kajian.</b>	9
<b>1.10 Kepentingan Kajian.</b>	10
<b>1.11 Rumusan Bab.</b>	11
<b>BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR</b>	12
<b>2.1 Pendahuluan.</b>	12
<b>2.2 Kajian-kajian Lepas.</b>	12 - 15
<b>2.3 Rumusan Bab.</b>	16



**BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN****17**

<b>3.1 Pengenalan.</b>	<b>17 -18</b>
<b>3.2 Pendekatan Kajian.</b>	<b>18</b>
<b>3.3 Populasi dan Persampelan Kajian.</b>	<b>19</b>
<b>3.4 Instrumen Kajian.</b>	<b>19 -21</b>
<b>3.5 Pengumpulan Data.</b>	<b>21</b>
<b>3.6 Kaedah Menganalisis Data.</b>	<b>22</b>
<b>3.7 Rumusan.</b>	<b>22</b>

**BAB 4 : DAPATAN KAJIAN****23**

<b>4. 1 Pendahuluan.</b>	<b>23-24</b>
<b>4.2 Hasil Dapatan Kajian.</b>	<b>24 - 37</b>
<b>4.3 Rumusan Bab.</b>	<b>38 - 40</b>

**BAB 5 : CABARAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

Shah



<b>5.1 Pendahuluan.</b>	<b>41-42</b>
<b>5.3 Cabaran.</b>	<b>42 - 43</b>
<b>5.6 Cadangan.</b>	<b>44 - 45</b>
<b>5.7 Kesimpulan.</b>	<b>45</b>

**LAMPIRAN****46****RUJUKAN****47 - 48**



## BAB 1

### PENGENALAN



#### 1.1 Pendahuluan

Sabah awalnya dikenali sebagai Borneo Utara ketika Syarikat Berpiagam Borneo Utara berfungsi memerintah Sabah pada tahun 1881 sehingga 1942 apabila tentera Jepun menyerang Borneo Utara semasa Perang Dunia II. Akibat perperangan tersebut, Syarikat Berpiagam Borneo Utara tidak mempunyai sumber kewangan untuk membina semula negeri Sabah dan meletakkan Sabah di bawah kawalan pejabat kolonial lalu menjadi tanah jajahan British pada 15 Julai 1946. Beberapa tahun selepas itu, Sabah mencapai pemerintahan sendiri dari British dan telah bersatu dengan Tanah Melayu, Sarawak dan Singapura untuk membentuk Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Kini Sabah atau lebih dikenali sebagai Sabah Negeri Bawah Bayu merupakan sebuah wilayah yang membentuk Persekutuan Malaysia kini. Ibu negeri bagi negeri Sabah ialah Kota Kinabalu, yang dahulunya dikenali sebagai Jeseelton. Kedudukan Sabah adalah strategik kerana negeri ini terletak di bawah laluan angin monsun dan tidak pernah dilanda ribut taufan.



kecuali beberapa ribut tropika berskala kecil. Sabah juga dikenali sebagai negeri kedua terbesar di Malaysia dan bersempadan dengan negeri Sarawak dan mempunyai sempadan antarabangsa darat di bahagian selatan wilayah beserta Laut Sulawesi dengan Indonesia. Bukan itu sahaja, Sabah mempunyai sempadan air di utara Laut Sulu dengan Filipina serta di barat Laut China Selatan dengan Brunei dan Vietnam. Selain daripada itu, penduduk Sabah terdiri daripada 33 kumpulan etnik yang berkomunikasi dalam lebih 50 bahasa dan 80 dialek etnik. Suku kaum Kadazan Dusun merupakan kumpulan etnik majoriti di Sabah yang membentuk hampir 30% daripada keseluruhan jumlah penduduk. Bajau dan Murut adalah kumpulan etnik kedua dan ketiga terbesar di Sabah. Terdapat juga kaum minoriti di Sabah seperti Bisaya, Melayu Brunei, Bugis, Kedayan, Lotud, Ludayeh, Suluk, Minokok, Bonggi, Ida'an, Rungus dan banyak lagi.

Suku kaum Rungus adalah salah satu kaum minoriti di Sabah dan mereka dikatakan merupakan penduduk asli kepulauan Borneo. Masyarakat Rungus biasanya dikenali sebagai Dayak Dusun Rungus, Momogun, Momogun Rungus, Momogun Laut atau Dusun Laut. Perkataan "Rungus" berasal dari perkataan Rungsud iaitu nama nenek moyang suku kaum Rungus yang berhijrah dari kawasan Nunuk Ragang ke pesisiran pantai di Semenanjung Kudat, Kota Marudu dan Pitas. Ringkasnya, sejarah kewujudan masyarakat Rungus dimulakan dengan cerita mengenai Aki Rungsud. Aki Rungud dikatakan adalah seorang tokoh Momogun Laut yang membuka kawasan Kudat-Bandau pada zaman dahulu. Istilah penggunaan nama Momogun adalah merujuk kepada nama bangsa suku kaum Rungus sendiri. Menurut legenda Momogun Rungus, Aki Rungsud adalah tokoh yang membuka kawasan Bandau-Kudat sebagai kawasan perdagangan barter yang terbesar di rantau Semenanjung Berungus dan Teluk Bandau Borneo pada zaman dahulu. Teluk Bandau ketika itu dikenali sebagai sebuah pusat perdagangan Momogun Rungus Kuno. Barang yang didagangkan di teluk Bandau ialah ubi kayu, pisang, jagung, labu, hasil-hasil hutan, kain tenunan Rungus dan sebagainya. Selain daripada itu, terdapat sumber lain mengatakan suku kaum Rungus dikaitkan dengan suku kaum lain iaitu Bajau dan Suluk. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat sumber lisan menyatakan bahawa istilah Rungus bagi etnik Rungus berasal daripada perkataan Bahasa Bajau dan Bahasa Suluk iaitu dari kata "UNGUS" yang ertiannya dalam Bahasa Melayu adalah pasir.

Masyarakat Rungus lebih diketahui menetap di daerah Kudat, Kota Marudu dan Pitas namun terdapat ramai masyarakat Rungus juga menetap di daerah Matunggong. Matunggong merupakan sebuah daerah Kecil di Sabah. Daerah kecil ini telah diwujudkan secara rasmi pada 1 Mac 1995 dan ia terletak di pertengahan di antara daerah Kota Marudu

iaitu sejauh 36km dari daerah Kota Marudu di sebelah Selatan dan sejauh 42km dari daerah Kudat di sebelah Utara. Keadaan bentuk permukaan bumi pula adalah berbukit bukau dan dapat dihubungi melalui jalan darat iaitu jalanraya. Penduduk di daerah ini kebanyakannya berbangsa Rungus dan sangat dikenali masih mengekalkan budaya dan adat Rungus kerana terdapat tempat pembuatan gong, kraftangan seperti manik dan menenun kain bermotifkan orang Rungus, penjualan madu asli, perayaan pesta dan sebagainya. Bukan itu sahaja, daerah Matunggong juga selalu menjadi lokasi tempat perayaan pesta Magahau.

Magahau ialah perayaan suku kaum Rungus yang terbesar dan dirayakan setiap tahun. Mengikut resolusi Konvensyen Undang-undang Adat Matunggong 2009, konsep Magahau adalah berbeza dengan Kamatan kerana ianya lebih umum dan tidak terikat dengan kegembiraan selepas menuai seperti mana konsep pesta menuai (Kaamatan). Suku kaum Rungus lazimnya akan ‘Magahau’ atau menyambut Magahau dalam keadaan-keadaan seperti mempunyai makanan yang mencukupi atau berlebihan pada tahun tersebut dan berhasrat untuk membuat perayaan secara besar-besaran atau mengadakan aktiviti ritual seperti Mamapak, Mamasi atau Pomogunan yang akan mengorbankan banyak haiwan ternakan. Pesta Magahau juga boleh diadakan ketika kehidupan penduduk yang makmur dan ingin berkongsi kegembiraan bersama saudara mara, kampung-kampung berdekatan dan orang ramai. Magahau bolehlah ditakrifkan sebagai perayaan besar-besaran bagi suku kaum Rungus yang bertujuan untuk menzahirkan kegembiraan kerana mendapat rezeki yang berlebihan dan keinginan untuk berkongsi kegembiran bersama orang ramai. Rezeki di dalam konteks Rungus adalah makanan yang berlebihan, hasil tanaman yang banyak dan kehidupan yang makmur.

Di samping itu, tarian suku kaum Rungus iaitu Mongigol Sumundai sering dipersembahkan dalam perayaan pesta ini. Ia dipersembahkan sebagai hiburan semasa perayaan dan juga tarian ritual. Mongigol Sumundai sebenarnya dua jenis tari yang ditarikan oleh kaum lelaki dan yang ditarikan oleh kaum perempuan. Mongigol ditarikan oleh golongan lelaki sementara Sumundai pula ditarikan oleh golongan perempuan namun tarian ini ditarikan secara serentak iaitu lelaki akan mendahului tarian tersebut dan diikuti oleh empat atau lebih penari perempuan. Tarian ini juga biasanya diiringi dengan paluan gong yang dimainkan oleh pemalu gong yang terdiri daripada sekumpulan enam atau tujuh orang pemain muzik. Selain itu, para penari akan memakai pakaian tradisional Rungus yang ditenun khas semasa menarikan tarian ini.



## 1.2 Latar Belakang Kajian.

Pada masa dahulu, pesta Magahau hanya dirayakan oleh beberapa kampung atau sekurang-kurangnya satu kampung atau beberapa buah keluarga. Oleh sebab itu, pesta Magahau yang dirayakan kini dikenali satu perayaan besar-besaran oleh suku kaum Rungus di Sabah. Umumnya, masyarakat Rungus akan menyambut pesta Magahau ketika penduduk kampung atau sesebuah keluarga yang mempunyai makanan yang berlebihan dan berhasrat untuk membuat perayaan secara besar-besaran. Selain itu, Magahau dirayakan bagi mengadakan aktiviti ritual seperti *Mamapak*, *Mamasi*, atau *Pomogunan* yang akan mengorbankan banyak haiwan ternakan. Suku kaum Rungus pada ketika itu akan mengistiharkan Magahau dan akan memanggil saudara-mara dari kampung lain untuk datang bertandang kerana terdapat banyak makanan daripada korban haiwan ternakan tersebut. Magahau juga diadakan bagi menunjukkan kehidupan yang makmur dan perpaduan sesama saudara mara, penduduk kampung berdekatan serta orang ramai. Hal ini dikatakan demikian kerana rezeki di dalam konteks Rungus adalah makanan yang berlebihan, hasil tanaman yang banyak dan kehidupan yang makmur. Bukan itu sahaja setiap kali perayaan ini diadakan tarian tradisional Rungus iaitu Mongigol Sumundai sering dipersembahkan dalam perayaan pesta ini dan ia merupakan persembahan wajib dalam pesta Magahau. Tarian ini adalah salah satu kebanggaan bagi suku kaum Rungus dan sangat dititikberatkan dalam budaya suku kaum Rungus. Oleh hal yang demikian, pengkaji memilih untuk membuat kajian mengenai meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat Rungus akan fungsi persembahan Mongigol Sumundai semasa perayaan pesta Magahau di daerah kecil Matunggong, Sabah. Terdapat tiga objektif dalam kajian ini iaitu menjelaskan fungsi persembahan Mongigol Sumundai dalam perayaan pesta Magahau, mengenalpasti maksud persembahan Mongigol Sumundai dalam perayaan pesta Magahau dan menghuraikan impak kepada masyarakat Rungus dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman fungsi Mongigol Sumundai. Selain itu, metodologi kajian ialah metodologi penyelidikan yang berbentuk kajian kualitatif iaitu menggunakan kaedah temu bual yang dijalankan bersama 4 orang informen yang dipilih berdasarkan pengetahuan mereka yang luas mengenai tajuk kajian. Instrumen lain yang digunakan ialah temubual, pemerhatian, kajian kepustakaan dan pengamatan video. Dapatan kajian menunjukkan hasil maklumat dan data terkumpul mengenai kajian dan rumusan daripada kajian ini, pengkaji dapat mengetahui dengan lebih jelas mengenai bagaimana untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat Rungus akan fungsi persembahan Mongigol Sumundai semasa perayaan pesta Magahau di daerah kecil Matunggong, Sabah.





### 1.3 Pernyataan Masalah.

Melalui era kemodenan kini, suku kaum Rungus mampu mengekalkan budaya, adat, upacara, perayaan dan sebagainya dengan jayanya. Salah satu daripadanya ialah perayaan pesta Magahau. Perayaan ini sudah dikenali dalam kalangan masyarakat Rungus kerana pesta ini diadakan setiap tahun dan persempahan Mongigol Sumundai sering ditarikan sebelum mulanya perayaan pesta ini. Namun demikian masih terdapat masyarakat Rungus yang memandang remeh mengenai persempahan Mongigol Sumundai dalam perayaan pesta Magahau yang bermaksud golongan ini hanya memandang persempahan Mongigol hanyalah sebuah persempahan semata-mata walhal persempahan Mongigol Sumundai mempunyai fungsi khusus yang penting dalam perayaan pesta Magahau.

Selanjutnya, Mongigol Sumundai adalah salah satu kebanggaan bagi masyarakat Rungus dan tarian ini sebenarnya merujuk kepada dua tarian yang berbeza iaitu Mongigol ditarikan oleh lelaki manakala Sumundai pula ditarikan oleh perempuan. Tarian ini selalu dipersembahan dalam majlis dan perayaan orang Rungus terutamanya dalam perayaan pesta Magahau. Tarian ini sudah menjadi satu kewajipan untuk dipersembahkan sejak zaman dahulu hingga kini. Namun begitu, masih terdapat segelintir masyarakat Rungus yang tidak tahu tarian ini menyebabkan mereka tidak dapat menghayati persempahan Mongigol Sumundai. Ini juga menunjukkan bahawa masih ramai yang tidak tahu maksud persempahan tarian ini dalam perayaan pesta Magahau menyebabkan mereka hanya menonton persempahan tarian begitu sahaja tanpa menghargian ini mempunyai maksudnya tersendiri dalam perayaan pesta Magahau.

Di samping itu, persempahan Mongigol Sumundai sering dipersembahkan dalam perayaan pesta Magahau tetapi masih ramai masyarakat Rungus yang kurang tertarik untuk mempelajari Mongigol Sumundai. Mongigol Sumundai adalah satu seni budaya tari yang ditinggalkan oleh nenek moyang dan seharusnya diwarisi oleh generasi muda kini untuk meneruskan budaya ini. Tetapi generasi muda kini kurang berminat untuk belajar Mongigol Sumundai kerana tidak berminat dengan tarian etnik, disebabkan oleh pengaruh luar seperti *trend tiktok*, *Kpop dance* dan sebagainya. Bukan itu sahaja, generasi muda kini menganggap tarian ini susah untuk difahami dan dipelajari menyebabkan mereka kurang berminat untuk mempelajari Mongigol Sumundai.



#### 1.4 Tujuan Kajian.

Kajian ini dibuat dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat Rungus akan fungsi persesembahan Mongigol Sumundai semasa perayaan pesta Magahau dengan memahami apakah fungsi tarian ini dalam perayaan pesta berkenaan. Adalah diharapkan, dengan lebih memahami fungsi tarian Mongigol Sumundai maka mereka akan terbuka hati untuk menyintai akan kebudayaan ini dan lebih menghargainya. Seterusnya, pengkaji juga memilih tajuk ini untuk dikaji kerana pengkaji ingin masyarakat Rungus dan orang luar tidak memandang remeh mengenai persesembahan Mongigol Sumundai. Pengkaji ingin menanam rasa menghargai perseimbahan tari ini dalam diri masyarakat suku kaum Rungus begitu juga dengan orang luar. Hal ini dikatakan demikian kerana Mongigol Sumundai merupakan tarian yang dibanggakan oleh suku kaum Rungus dan masyarakat Rungus seharusnya arif akan fungsi perseimbahan Mongigol Sumundai dalam perayaan pesta Magahau. Oleh itu, pengkaji menekankan tujuan kajian ini untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat Rungus dan orang luar tentang fungsi tarian Mongigol Sumundai semasa perayaan agar tarian ini tidak dipandang hanya sebagai tarian semata-mata melainkan menghargai akan tujuan perseimbahan tarian ini juga.

Selanjutnya, kajian ini dilakukan kerana pengkaji ingin masyarakat terutamanya suku kaum Rungus lebih menghayati perseimbahan Mongigol Sumundai dalam perayaan pesta Magahau. Pengkaji berpendapat bahawa masyarakat Rungus perlulah lebih menghayati perseimbahan tarian ini agar mereka dapat mendalami makna atau maksud perseimbahan Mongigol Sumundai dalam perayaan pesta Magahau barulah orang luar juga dapat menghayati perseimbahan Mongigol Sumundai dalam perayaan pesta Magahau. Oleh hal yang demikian, pengkaji menekankan tujuan kajian ini untuk membawa masyarakat Rungus lebih mneghayati perseimbahan Mongigol Sumundai dalam perayaan pesta Magahau.

Di samping itu, tujuan pengkaji membuat kajian ini ialah pengkaji ingin menyedarkan pentingnya tarian ini dipersembahkan dalam perayaan pesta Magahau. Pengkaji berharap masyarakat Rungus sedar pentingnya tarian ini untuk dikekalkan dan dipelajari kerana ianya warisan seni budaya yang ditinggalkan oleh nenek moyang yang seharusnya dijaga oleh semua golongan masyarakat suku kaum Rungus tidak kira tua, muda, kanak-kanak atau dewasa. Mongigol Sumundai mempunyai kepentingan yang perlu dijaga agar generasi akan datang juga dapat menghargai tarian ini. Oleh itu, pengkaji menekankan tujuan kajian ini adalah untuk menyedarkan masyarakat suku kaum Rungus pentingnya perseimbahan Mongigol Sumundai dalam perayaan pesta Magahau.



### 1.5 Objektif Kajian.

Kajian ini dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat Rungus dalam memahami fungsi persembahan Mongigol Sumundai. Oleh itu, terdapat tiga objektif dalam pelaksanaan kajian ini iaitu :

- a) Menjelaskan fungsi persembahan Mongigol Sumundai dalam perayaan pesta Magahau untuk memahami persembahan tarian ini dipersembahkan semasa pesta Magahau.
- b) Mengenalpasti maksud Mongigol Sumundai dalam perayaan pesta Magahau untuk menghayati persembahan tarian ini dengan lebih baik.
- c) Menghuraikan impak kepada masyarakat Rungus dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman fungsi persembahan Mongigol Sumundai untuk mengetahui pentingnya persembahan tarian ini dijalankan semasa pesta Magahau.

### 1.6 Persoalan Kajian.


Berdasarkan permasalahan kajian dan objektif kajian, sudah terlihat gambaran umum mengenai fokus kajian ini. Namun, secara khususnya terdapat beberapa persoalan yang perlu dijawab oleh pengkaji iaitu :

- a) Apakah fungsi persembahan Mongigol Sumundai dalam perayaan pesta Magahau?
- b) Apakah maksud persembahan Mongigol Sumundai dalam perayaan pesta Magahau?
- c) Apakah impak kepada masyarakat Rungus apabila kesedaran dan kefahaman fungsi persembahan Mongigol Sumundai meningkat?

### 1.7 Kerangka Konsep Kajian.

Kerangka konsep kajian bertujuan untuk menjelaskan keseluruhan pembolehubah yang dikaji dalam kajian dan memberi panduan dalam proses pelaksanaan kajian. Secara konsepnya kajian ini untuk menjelaskan fungsi persembahan Mongigol Sumundai dalam perayaan pesta Magahau. Selain itu, konsep kajian ini juga untuk mengenalpasti maksud Mongigol Sumundai dalam perayaan pesta Magahau dan untuk menghuraikan impak kepada masyarakat Rungus dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman fungsi persembahan Mongigol Sumundai. Rajah 1.1 ditunjukkan untuk menjelaskan kerangka konsep kajian dengan lebih mudah.





Rajah 1.1 Kerangka Konsep Kajian.

### 1.8 Definisi Operasional.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, Rungus merupakan suku kaum minoriti yang terdapat di Sabah dan suku kaum ini termasuk dalam rumpun kaum Kadazan Dusun. Kebanyakan masyarakat Rungus menetap di bahagian utara Sabah iaitu di daerah Kudat, Kota Marudu dan Pitas. Masyarakat Rungus biasanya dikenali sebagai Dayak Dusun Rungus, Momogun, Momogun Rungus, Momogun Laut atau Dusun Laut. Perkataan "Rungus" berasal dari perkataan Rungsud iaitu nama nenek moyang suku kaum Rungus yang dikenali sebagai Aki Rungsud.

Menurut Glosari leksikal Bahsa Sukuan dalam Suku Kaum pula, Mongigol Sumundai adalah tarian tradisional bagi suku kaum Rungus. Secara kususnya, Mongigol ditarikan oleh golongan lelaki dimana gerakan yang difokuskan ialah pada gerakan tangan, lompatan kaki dan seruan lelaki atau *Mamangkis* dalam Bahasa Rungus manakala Sumundai ditarikan oleh golongan perempuan dimana gerakan yang difokuskan ialah pada gerakan kaki bergeser di lantai, gerakan tangan dan pusingan badan. Dua tarian ini ditarikan secara bersama oleh lelaki dan perempuan.

Magahau ialah perayaan suku kaum Rungus yang terbesar dan dirayakan setiap tahun. Magahau bolehlah ditakrifkan sebagai perayaan besar-besaran bagi suku kaum Rungus yang bertujuan untuk menzahirkan kegembiraan kerana mendapat rezeki yang

berlebihan dan keinginan untuk berkongsi kegembiran bersama orang ramai. Hal ini dikatakan demikian kerana rezeki di dalam konteks Rungus adalah makanan yang berlebihan, hasil tanaman yang banyak dan kehidupan yang makmur.

### 1.9 Batasan Kajian.

Bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji telah menetapkan beberapa batasan kajian seperti lokasi, informen dan kandungan kajian. Batasan lokasi kajian yang dipilih ialah di negeri Sabah dan hanya menumpuhkan di sekitar daerah kecil Matunggong sahaja. Daerah kecil Matunggong dipilih kerana pengkaji merupakan penduduk asal daripada daerah tersebut. Selain itu, batasan informen kajian pula dipilih seramai empat orang sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat sedikit informen sahaja yang arif berkaitan dengan perayaan pesta Magahau dan mempunyai pengetahuan mengenai Mongigol Sumundai. Empat orang informen ini merupakan penduduk asal daerah kecil Matunggong dan berbangsa Rungus. Di samping itu, batasan kandungan kajian ini hanya membincangkan mengenai meningkatkan kesedaran masyarakat Rungus dalam persembahan Mongigol Sumundai semasa perayaan pesta Magahau dengan menjelaskan fungsi persembahan Mongigol Sumundai, mengenalpasti maksud persembahan Mongigol Sumundai dan menghuraikan impak kepada masyarakat Rungus dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman fungsi Mongigol Sumundai sahaja.



Rajah 1.1 menunjukkan gambar peta Negeri Sabah.



Rajah 1.2 menunjukkan gambar peta bagi daerah kecil Matunggong yang terletak di antara daerah Kudat dan daerah Kota Marudu.

### 1.10 Kepentingan Kajian.

Berdasarkan tinjauan pengkaji terhadap kajian-kajian lepas, pengkaji dapat bahawa maklumat mengenai tarian ini dengan pesta Magahau dan persembahan Mongigol Sumundai sangat terhad dan sukar untuk didapatkan malah pengkaji juga melihat bahawa belum ada kajian yang membincangkan mengenai meningkatkan kesedaran masyarakat Rungus dalam persembahan Mongigol Sumundai semasa perayaan pesta Magahau. Oleh hal yang demikian, pengkaji memilih untuk membuat kajian ini dengan tujuan untuk memahami lebih dalam mengenai Mongigol Sumundai dan mengetahui pentingnya persembahan Mongigol Sumundai dalam perayaan pesta Magahau. Kajian-kajian lepas yang ditinjau oleh pengkaji seperti Jubain Lumungking dalam Momogunology lebih banyak berkaitan dengan sejarah Momogun Rungus, ragam dan gerak Mongigol Sumundai atau motif dalam pakaian Rungus. Sehubungan dengan itu, pengkaji melihat bahawa kajian yang membincangkan meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat Rungus dalam persembahan Mongigol Sumundai semasa perayaan pesta Magahau perlu dijalankan. Hal ini dikatakan demikian kerana pesta Magahau adalah perayaan yang disambut secara besar-besaran oleh suku kaum Rungus dan Mongigol Sumundai pula sering dipersembahkan sebelum mulanya acara perayaan pesta Magahau. Bukan itu sahaja, pengkaji melihat bahawa kajian ini dapat membantu pengkaji lain yang ingin mencari tahu mengenai pesta Magahau dan persembahan Mongigol Sumundai dalam masa yang sama kajian ini diharapkan agar dapat menyedarkan masyarakat Rungus terutamanya generasi muda untuk mempelajari Mongigol Sumundai agar seni tari ini tidak pupus ditelan zaman.



### 1.11 Rumusan Kajian.

Berdasarkan kandungan yang dibincangkan dalam bab ini, ianya dapat menunjukkan dengan jelas berkaitan dengan fokus dalam kajian ini iaitu meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat Rungus akan fungsi persembahan Mongigol Sumundai semasa perayaan pesta Magahau. Selain itu, bab ini juga menjelaskan berkenaan dengan objektif kajian dan kerangka konsep kajian sebagai panduan dalam pelaksanaan kajian ini. Disebabkan kajian ini terbatas di daerah Matunggong sahaja maka dapatan kajian tidak akan mewakili mana-mana daerah lain di Sabah walaupun daerah lain mempunyai penduduk yang berbangsa Rungus. Justeru itu, diharapkan kepentingan kajian ini dapat dicapai kerana kajian ini dapat memberi maklumat yang tidak didapati di dalam internet atau laman sesawang.

